



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

ISNIN, 4 SEPTEMBER 2023

LAPORAN HARIAN





UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

4/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	KPWKM CADANG HUKUMAN SEBAT TERHADAP PESALAH DERA KANAK-KANAK	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1005984/kpwkm-cadang-hukuman-sebat-terhadap-pesalah-dera-kanak-kanak	HMETRO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/276971/berita/nasional/cadangan-hukuman-setimpal-dikenakan-terhadap-pendera---nancy	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/09/03/cadang-hukuman-setimpal-dikenakan-terhadap-pendera-nancy	UTUSANBORNEO.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/09/03/hukuman-setimpal-ke-atas-pendera/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2222013	BERNAMA.COM
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/kpwkm-usul-cadangan-hukuman-setimpal-kepada-pesalah-jenayah-seksual-dan-penderaan-kanakkanak-x8noohr	ASTROAWANI.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=ztCE6BPoPvA	YOUTUBE
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ruu-baharu-cadang-hukuman-berat-terhadap-pendera-nancy-435664	ASTROAWANI.COM
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/09/03/child-abuse-ministry-recommends-appropriate-punishment-for-offenders/88787	MALAYMAIL.COM
	https://www.malaysiakini.com/news/677868	MALAYSIAKINI.COM
	https://www.theborneopost.com/2023/09/03/any-proposed-bill-on-matters-involving-kids-should-go-to-kpwkm-says-minister/	THEBORNEOPOST.COM
	https://www.sinardaily.my/article/206877/malaysia/national/child-abuse-ministry-recommends-appropriate-punishment-for-offenders	SINARDAILY.COM
	https://bernama.com/en/general/news.php?id=2222030	BERNAMA.COM
	https://www.newsarawaktribune.com.my/stricter-penalties-for-child-abuse-in-upcoming-bill/	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY
	https://www.malaysiamarketing.my/severe-punishment-whipping-proposed-for-child-abuse/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=severe-punishment-whipping-proposed-for-child-abuse	MALAYSIAMARKETING.MY
	https://www.thesundaily.my/local/child-abuse-kpwkm-recommends-appropriate-punishment-for-offenders-NA11441815	THESUNDAILY.MY
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/09/03/child-abuse-new-bill-will-mete-out-appropriate-punishments-for-offenders-says-nancy	THESTAR.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

4/9/2023

<https://www.utusanborneo.com.my/2023/09/03/lindungi-kanak-kanak-daripada-kekejaman>

UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	MALAYSIA PERLU LEBIH RAMAI PENJAGA TERLATIH, SEDIA CAPAI STATUS NEGARA TUA – NANCY SHUKRI	
	https://tvstv.my/2023/09/03/malaysia-perlu-lebih-ramai-penjaga-terlatih-sedia-capai-status-negara-tua-nancy-shukri/	TVSTV.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	KBS TAWAR PERKHEMAHAN KELUARGA DI TUJUH KEM WAWASAN NEGARA	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1148113/kbs-tawar-perkhemahan-keluarga-di-tujuh-kem-wawasan-negara	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	SARAWAK CATAT 226 KES POSITIF HPV SETAKAT 22 OGOS TAHUN INI	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/09/03/sarawak-catat-226-kes-positif-hpv-setakat-22-ogos-tahun-ini	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	KEMAS PERUNTUK RM1 JUTA UNTUK PERKASA WANITA	
	https://malaysiagazette.com/2023/09/03/kemas-peruntuk-rm1-juta-untuk-perkasa-wanita/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://malaysiagazette.com/2023/09/03/mgnews-rm1-juta-untuk-perkasa-wanita-oleh-kemas/	MALAYSIAGAZETTE.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

4/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
6	KERAJAAN TIMBANG PERMUDAH SYARAT OKU SERTA TVET - PM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/276990/berita/nasional/kerajaan-timbang-permudah-syarat-oku-sertai-tvet---pm	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1006028/syarat-tvet-untuk-pelajar-oku-dipertimbang-semula-anwar	HMETRO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1148111/kerajaan-kaji-syarat-kemasukan-pelajar-oku-dalam-program-tvet	BHARIAN.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1148104/kaji-semula-syarat-program-tvet-elak-nafi-peluang-oku-pm-anwar	BHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/temu-anwar-isu-syarat-kemasukan-oku-dalam-sistem-tvet-dibawa-ke-kabinet-435673	ASTROAWANI.COM
	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/70384-usaha-perkasa-kebajikan-golongan-oku-terus-jadi-fokus-kerajaan	BERITA.RTM.GOV.MY
	https://malysiagazette.com/2023/09/03/pm-mahu-syarat-tvet-harus-ada-dua-tangan-diteliti-semula/	MALYSIAGAZETTE.COM
	https://malysiapost.com.my/2023/09/03/kaji-semula-syarat-pelajar-oku-sertai-tvet-anwar/	MALYSIAPOST.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1006062/kerajaan-teliti-oku-masalah-pendengaran-sukar-ambil-peperiksaan-spm	HMETRO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1148119/saya-terkejut-bila-tahu-ada-satu-saja-sekolah-untuk-oku-kurang	BHARIAN.COM.MY
	https://utusan Timur.com/2023/09/03/kerajaan-pertimbang-kemasukkan-pelajar-kategori-oku-dalam-program-tvet-pm/	UTUSANTIMUR.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
7	25 OKU PENGLIHATAN TAWAN BUKIT KERINCHI	
	https://www.sinarharian.com.my/article/276988/edisi/selangor-kl/25-oku-penglihatan-tawan-bukit-kerinchi	SINARHARIAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

4/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
8	DISABLED TEACHER CELEBRATES MERDEKA IN STYLE	
	https://www.thestar.com.my/news/education/2023/09/03/disabled-teacher-celebrates-merdeka-in-style	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
9	KERAJAAN DISARAN TURUNKAN HAD UMUR MOHON PINJAMAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1147867/kerajaan-disaran-turunkan-had-umur-mohon-pinjaman-tabung-pembangunan	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	RIBUT: 36 PENIAGA TERJEJAS TERIMA WANG IHSAN RM1,000	
	https://www.sinarharian.com.my/article/277002/edisi/perak/ribut-36-peniaga-terjejas-terima-wang-ihsan-rm1000	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2222085	BERNAMA.COM
	https://umno-online.my/2023/09/03/ribut-36-peniaga-ipoh-night-market-terima-bantuan-kerajaan-negeri-saarani/	UMNO-ONLINE.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	WANITA KENA RASUK KETIKA DAKI BUKIT JUGRA	
	https://www.kosmo.com.my/2023/09/03/wanita-kena-rasuk-ketika-daki-bukit-jugra/	KOSMO.COM.MY
	https://www.buletintv3.my/nasional/bomba-terima-kes-wanita-dirasuk-ketika-mendaki/	BULETINTV3.MY



UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

4/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
12	LUMPUH SEPARUH BADAN, FAZRIN CEKAL HARUNGI KEHIDUPAN	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1006060/lumpuh-separuh-badan-fazrin-cekal-harungi-kehidupan	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
13	TARAF WANITA PERLU SEJAJAR PEMBANGUNAN NEGARA	
	https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2023/09/1148078/taf-wanita-perlu-sejajar-pembangunan-negara	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
14	WANITA TANGGUNG SAKIT KERANA DISANTAU SELEPAS TUNTUT HUTANG	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1006003/wanita-tanggung-sakit-kerana-disantau-selepas-tuntut-hutang	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
15	PROMOSI PRODUK LUAR BANDAR, PERHEBAT USAHAWAN WANITA	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/promosi-produk-luar-bandar-perhebat-usahawan-wanita/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
16	LIMA LELAKI ROGOL WANITA MASIH DIBURU	
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/09/lima-lelaki-rogol-wanita-masih-diburu/	UTUSAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

4/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
17	TAWARAN HEBAT, AKTIVITI KANAK-KANAK SEMARAK MERDEKA DI ALAMANDA	
	https://www.sinarharian.com.my/article/276959/khas/cerita-merdeka/tawaran-hebat-aktiviti-kanak-kanak-semarak-merdeka-di-alamanda	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
18	BAPA RAKAM ANAK MAIN PAM ALAT SULIT DIKECAM RAMAI	
	https://www.kosmo.com.my/2023/09/03/bapa-rakam-anak-main-pam-alat-sulit-dikecam-ramai/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
19	#NSTVIRAL: SHIRTLESS MOTORIST SPARKS ANGER AS VIDEO CAPTURES HIM STRIKING ELDERLY MAN AFTER MOTORCYCLE COLLISION	
	https://www.nst.com.my/news/nst-viral/2023/09/950427/nstviral-shirtless-motorist-sparks-anger-video-captures-him-striking	NST.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
20	PERKASA PENJAGAAN WARGA EMAS	
	https://www.hmetro.com.my/sihat/2023/09/1005838/perkasa-penjagaan-warga-emas	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
21	DIHEMPAP LANTAI KONKRIT, WARGA EMAS MAUT	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/09/03/dihempap-lantai-konkrit-lelaki-warga-emas-maut/	FREEMALAYSIATODAY.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

4/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
22	WARGA EMAS MUDAH DAPAT PENYAKIT, TERCEDERA	
	https://www.bharian.com.my/hujung-minggu/sihat/2023/09/1147897/warga-emas-mudah-dapat-penyakit-tercedera	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
23	WARGA EMAS SYUKUR RELA BANTU CERIAKAN KEDIAMAN	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/09/03/warga-emas-syukur-rela-bantu-ceria-kediaman	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
24	SPWE JAMINAN KELESTARIAN USIA EMAS	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1005851/spwe-jaminan-kelestarian-usia-emas	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
25	IDAN AEDAN BLOCK WANITA HANTAR GAMBAR LUCAH DI MEDIA SOSIAL	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/idan-aedan-block-wanita-hantar-gambar-lucah-di-media-sosial/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
26	LELAKI BUNUH BAPA DIDAKWA ESOK	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1006036/lelaki-bunuh-bapa-didakwa-esok	HMETRO.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t @ kpwkm

4/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
27	MAHU SELAMATKAN DUA RAKAN, WARGA EMAS MATI LEMAS	
	https://www.kosmo.com.my/2023/09/03/mahu-selamatkan-dua-rakan-warga-emas-mati-lemas/	KOSMO.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1006088/warga-emas-lemas-ketika-cuba-selamatkan-rakan	HMETRO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/276999/berita/semasa/warga-emas-ditemui-lemas-selepas-cuba-selamatkan-dua-rakan	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/09/1148127/warga-emas-lemas-ketika-bantu-2-rakan-terperangkap-air-pasang	BHARIAN.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/09/03/warga-emas-lemas-ketika-cuba-selamatkan-rakan/	MALAYSIAGAZETTE.COM



TAJUK : JOHOR SEDIA BANTU REMAJA KEHILANGAN 6 AHLI KELUARGA

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 04 SEPT 2023

M/SURAT : 16

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Johor sedia bantu remaja kehilangan 6 ahli keluarga



Keratan
akhbar BH,
semalam.

Tragedi nahas beri kesan mendalam kepada anak sulung

Johor Bahru: Kerajaan Johor bersedia membantu remaja lelaki yang kehilangan ibu bapa dan empat adik beradiknya akibat kemalangan di Kilometer 5, Jalan Segamat-Kuantan, Jumaat lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam negeri, Mohd Fared Mohd Khalid, berkata kisah tragis itu memberi kesan kepadanya apatah lagi ibu bapa kepada Abdur Rahman Amir Ruddin, 19, iaitu mangsa kemalangan Amir Ruddin Ismail, 46, yang juga imam di sebuah masjid di Kluang, manakala Norahimah Noor Muhammad, 43, guru agama di sebuah sekolah agama di Felda Kemedak, Segamat.

"Semua pasti mengetahui berita kemalangan lori treler yang mengakibatkan kematian enam sekeluarga semalam (Jumaat). Suaminya seorang imam (Amir Ruddin) dan isterinya (Norahimah) seorang guru KAFE. Kedua-duanya amat dekat di hati saya sebab mereka adalah kakitangan di bawah portfolio saya.

"Pada masa sama, kita akan bantu anak muda ini (Abdur Rahman) sekiranya ada bantuan yang dapat kita usahakan, kita



Abdur Rahman menabur bunga mawar di pusara ibu bapa dan adik-adiknya yang dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Ubudiah dekat Parit Jawa, kelmarin. (Foto BERNAMA)

juga tadi (semalam) serahkan sumbangan tanda berkongsi kesedihan," katanya dalam hantaran menerusi laman Facebook malam kelmarin.

Tabah tempuhi ujian

Sementara itu, bapa saudara Abdur Rahman, Mohd Hairul Nor Muhammad, 54, berkata beliau sekeluarga akan menjaga Abdur Rahman dan adiknya, Abdullah, 15 yang masih kritikal di hospital.

Beliau berkata, dia tidak sampai hati melihat dua anak saudarinya menjadi yatim piatu dan berharap mereka tabah menempuh ujian Allah berikannya.

"Saya sanggup jaga cuma terpulang pada Abdur Rahman untuk membuat pilihan, sama ada mahu menetap di Kluang atau di sini (Parit Lapis Darat)," katanya.

Dalam pada itu, ketika menceritakan berita duka diterimanya, Mohd Hairul berkata pada hari kejadian dia berada di Johor Bahru sebelum menerima panggilan daripada polis.

"Polis tanya ada ahli keluarga

naik Perodua Alza, saya beritahu tiada, kalau Alza jingga tu saya tahu sebab adik saya (Allahyarham Noorahimah).

"Kemudian, saya minta polis sebut satu daripada nama yang ada dalam kenderaan itu. Apabila sebut nama Seri Khadijah Aqilah, saya beritahu betul keluarga saya. Saya dah boleh agak bagaimana keadaan mereka.

"Tak boleh cakap apa-apa masa itu, jantung saya seolah-olah gugur. Hanya Allah tahu perasaan saya bila dimaklumkan

adik dan suaminya serta empat anak terkorban," katanya ketika ditemui di Kampung Parit Lapis Darat, Parit Jawa.

Sementara itu, mangsa terselamat dalam tragedi meragut enam sekeluarga itu, masih lagi menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU), Hospital Segamat.

Keadaan Abdullah, 15, dilaporkan stabil dan masih memerlukan alat bantuan pernafasan serta pemantauan pihak hospital selepas menjalani pembedahan semalam. BERNAMA



TAJUK : KAJI SEMULA SYARAT PELAJAR OKU SERTA PROGRAM TVET

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 04 SEPT 2023

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

Kaji semula syarat pelajar OKU sertai program TVET

Isu kuota kerja golongan istimewa dalam kerajaan turut dibawa ke Kabinet

Oleh Mohamed Farid Noh dan Omar Ahmad
bhnews@bh.com.my

Johor Bahru: Kerajaan akan mempertimbangkan semula syarat kemasukan pelajar kategori orang kurang upaya (OKU) dalam program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata langkah itu bagi memudahkan kemasukan golongan OKU ke program TVET bersesuaian dengan keupayaan mereka.

Katanya, perkara itu juga akan dimaklumkan kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang juga Pengerusi Jawatankuasa Majlis TVET Negara.

"Pertama ia akan membabitkan semua kementerian dan agensi. Saya akan bawa (perkara ini) kepada Jemaah Menteri, maaf saya tidak maklum mengenai perkara ini.

"Ia adalah untuk memastikan semua agensi kerajaan dan kementerian memastikan pengambilan golongan OKU ke program TVET.

"Majlis TVET dipengerusikan



Sultan Ibrahim berkenan menerima menghadap Anwar di Istana Bukit Pelangi, Johor Bahru, semalam. (Foto Johor Royal Press Office)

Ahmad Zahid. Saya akan beritahu dia walaupun ada kelonggaran untuk OKU, tetapi janganlah kenakan syarat seperti dua tangan. Syaratnya ialah mesti yang ada keupayaan.

"Insya-Allah ini boleh, kita beri ruang (melihat semula syarat TVET bagi pelajar OKU) dan saya rasa tiada masalah," katanya menjawab soalan Alumni Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Dr Ruzimi Mohamed dalam sesi soal jawab pada program Temu Anwar Johor Bahru di UTM, di sini, semalam.

Dr Ruzimi dalam soalnya memaklumkan kekangan dihadapi pelajar OKU dalam permohonan program TVET yang meminta syarat perlu kedua-dua tangan, sedangkan ada OKU yang boleh melukis dan menulis meng-

gunakan kaki dan mulut.

Beliau mengakui ada program TVET yang tidak sesuai dengan pelajar OKU dan perlu ada mekanisme baharu untuk melihat syarat kemasukan pelajar OKU mengikut keupayaan mereka.

Isu Kad Siswa Rahmah

Anwar yang juga Menteri Kewangan memaklumkan persetujuan dan akan membawa isu kuota pekerjaan satu peratus golongan OKU dalam kementerian dan agensi kerajaan ke dalam mesyuarat Jemaah Menteri.

"Saya setuju dan akan bawa (isu kuota pengambilan pekerja OKU) dalam mesyuarat Jemaah Menteri.

"Ia bagi memastikan semua agensi kerajaan dan kementerian melaksanakan pengambilan pe-

kerja OKU mengikut kuota satu peratus," katanya.

Sementara itu, mengulas cadangan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Allahyarham Datuk Seri Salahuddin Ayub mengenai Kad Siswa Rahmah sebelum ini, Perdana Menteri berkata, perkara itu juga akan dibawa ke mesyuarat Jemaah Menteri.

Terdahulu, Anwar menghadap Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar, di Istana Bukit Pelangi di sini dan pertemuan itu berlangsung kira-kira sejam.

Yang hadir sama ke pertemuan itu adalah Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim; Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Tan Sri Dr Azmi Rohani.

Cadangan tambah sekolah OKU pekak ambil SPM diteliti

Johor Bahru: Kerajaan akan meneliti sekolah pendidikan khas menengah bagi pelajar berkeperluan khas orang kurang upaya (OKU) masalah pendengaran (pekak), yang terpaksa melakukan perjalanan jauh ke Pulau Pinang untuk mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengakui terkejut apabila mengetahui hanya ada sebuah sekolah di negara ini yang menjalankan peperiksaan SPM bagi pelajar pekak.

"Saya pasti bawa perkara itu (cadangan sekolah lain untuk ambil SPM bagi pelajar OKU pekak). Saya tidak tahu ada hal ini.

"Ini saya cuba lakukan untuk mendengar suara rakyat menerusi Program Temu Anwar, walaupun ada yang memperlekehkan program ini.

"Apa salah kita dengar (masalah seperti ini) bukan setuju semua, kalau tidak boleh jawab saya bawa ke Jemaah Menteri. Insya-Allah (cadangan bina sekolah menengah OKU pekak di Johor) akan masuk dalam perancangan segera," katanya ketika menjawab soalan yang menegenahkan isu pelajar berkeperluan khas (OKU pekak) di Johor yang terpaksa melakukan perjalanan jauh untuk mengambil peperiksaan di Pulau Pinang.

Pada program itu, Anwar menjawab soalan pelajar dan pendidik dari pelbagai sekolah dan institusi ketika lawatan kerja seharinya ke Johor dalam Program Temu Anwar di UTM di sini, semalam.



TAJUK :	WANITA HANYA DAPAT RM300 SELEPAS LABUR RM140,000		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	BERITA HARIAN
TARIKH :	04 SEPT 2023	M/SURAT :	14
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Wanita hanya dapat RM300 selepas labur RM140,000

Kuching: Seorang ejen insurans di sini sekadar menerima pulangan RM300, sebelum pelaburannya RM140,000 dilesapkan sindiket penipuan tawaran kerja sambil dalam talian.

Pesuruhjaya Polis Sarawak, Datuk Mohd Azman Ahmad Sapri berkata pihaknya menerima laporan wanita lingkungan 30-an pada 1 September lalu.

Katanya pada 27 Ogos lalu, nombor telefon mangsa dimasukkan dalam kumpulan Whatsapp CMC 206 dan Telegram GIC Pre-Order Group 10500.

Mangsa ditawarkan kerja sambil dalam talian dan diterangkan cara dapatkan wang dengan melanggan saluran di YouTube oleh suspek bernama Gerry.

Beliau berkata, setiap langganan dibayar insentif RM8.90 dan boleh mencecah RM219.80 dengan mangsa selepas itu mendaftar masuk ke akaun GIC Media Mall melalui satu pautan gicmediamall.com yang diberikan di dalam kumpulan Telegram.

“Mangsa diarah menekan logo dalam aplikasi itu dan telah melakukan sembilan pemindahan wang secara berperingkat ke lima akaun bank berbeza sekitar penghujung Ogos lalu membabitkan kerugian RM140,000,” katanya dalam kenyataan, semalam.



TAJUK : WARGA EMAS LEMAS CUBA SELAMATKAN DUA RAKAN

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 04 SEPT 2023

M/SURAT : 18

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



Anggota bomba mengangkat mayat lelaki yang lemas di Pantai Cermin, Kuala Sungai Baru, semalam. (Foto ihsan IPD Alor Gajah)

Warga emas lemas cuba selamatkan dua rakan

Alor Gajah: Niat seorang lelaki warga emas menyelamatkan dua rakannya dibawa arus pasang bertukar tragedi apabila dia lemas di Pantai Cermin, Kuala Sungai Baru, di sini, pagi semalam.

Kejadian berlaku ketika mangsa, Haudi Sujai, 63, dari Taman Setia Balakong di Seri Kembangan, Selangor datang pantai itu untuk memancing bersama tujuh rakannya sejak pagi kelmarin.

Ketua Polis Daerah Alor Gajah, Superintendan Arshad Abu berkata, siasatan awal mendapati pada jam 4 pagi semalam, dua rakan mangsa berjalan kaki ke arah pantai Pulau Masjid, di sini untuk memancing, sebelum

terperangkap dan hampir lemas apabila air laut mulai pasang kira-kira jam 11 pagi.

"Mangsa cuba membantu, namun dihanyutkan air deras, manakala dua rakannya berjaya diselamatkan orang kampung," katanya melalui kenyataan.

Arshad berkata, operasi mencari dan menyelamatkan dilakukan pihak bomba dengan bantuan orang kampung sebaik menerima laporan kejadian itu.

"Sekitar jam 3 petang mangsa ditemui terapung tidak jauh dari lokasi sebelum dibawa ke pantai dan disahkan meninggal dunia.

"Mayat dihantar ke Hospital Alor Gajah untuk bedah siasat," katanya.



TAJUK : 'SAYA SANGGUP JAGA ANAK SAUDARA'

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 04 SEPT 2023

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

ENAM SEKELUARGA MAUT NAHAS

'Saya sanggup jaga anak saudara'

Oleh Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my

Muar

"Saya akan jaga mereka berdua," kata Mohd Hairul Nor Muhammad, 54, bapa saudara kepada Abdur Rahman Amir Ruddin, 19, dan adiknya Abdullah, 15, yang menjadi yatim piatu selepas ibu, bapa serta empat adiknya maut dalam kemalangan di Kilometer 5 Jalan Segamat-Kuantan di sini, Jumaat lalu.

Mohd Hairul berkata, dia dan keluarga bersedia mengambil tanggungjawab menjaga dua beradik

itu termasuk seorang yang masih dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Segamat.

Menurutnya, dia tidak sampai hati melihat dua anak saudaranya bergelut yatim piatu dan berharap mereka tabah menempuh ujian Allah

berikannya kepadanya.

"Saya sanggup jaga cuma terpulang pada Abdur Rahman untuk membuat pilihan sama ada menetap di Kluang atau ke sini (Parit Lapis Darat)," katanya.

Dalam pada itu, ketika menceritakan berita duka diterimanya, Mohd Hairul berkata, pada hari kejadian dia di Johor Bahru sebelum menerima panggilan polis. "Polis tanya ada tak ahli

keluarga naik Perodua Alza, saya tanya balik, warna apa? Dia (polis) cakap merah, saya beritahu tak kenal kalau Alza jingga tu saya tahu la sebab adik saya (Al-lahyarham Noorahimah).

"Kemudian, saya mintalah polis sebut salah satu kenderaan itu, bila sebut nama Seri Khadijah Aqilah, saya beritahu iyalah keluarga saya. Saya dah boleh agak masa itu bagaimana keadaan mereka"



Saya mintalah polis sebut salah satu nama yang ada dalam kenderaan itu, bila sebut nama Seri Khadijah Aqilah, saya beritahu iyalah keluarga saya. Saya dah boleh agak masa itu bagaimana keadaan mereka"



MOHD Hairul (berkerusi roda) sebab ketika Abdur Rahman menabur bunga di pusara ahli keluarganya di Tanah Perkuburan Islam Ubudiah dekat Parit Jawa, Muar.

Mohd Hairul

itu meragut nyawa pasangan suami isteri Amir Ruddin Ismail, 46, dan Noorahimah Noor Muhammad, 43. Empat lagi anak pasangan itu, Fatimatulzahrah, 17, Seri Khadijah Aqilah, 13, Rufaidatul Asyariyah, 10, dan Muhammad Assyakrawi, 5, turut terkorban.

"Tak boleh nak cakap apa-apa masa itu, jantung saya macam sudah gugur. Hanya Allah tahu perasaan saya dapat tahu adik dan suaminya serta empat anak terkorban," katanya ketika ditemui di Kampung Parit Lapis Darat, Parit Jawa.

Sementara itu, mangsa terselamat dalam tragedi meragut enam sekeluarga itu, masih lagi menerima rawatan di ICU.

Keadaan Abdullah, 15, dilaporkan stabil dan masih memerlukan alat bantuan penafasan serta pemantauan hospital selepas menjalani pembedahan semalam. Tragedi memulakan

Mereka sekeluarga dilaporkan dalam perjalanan dari Kluang ke Segamat untuk menghantar Noorahimah yang bertugas sebagai guru Sekolah Agama Kemedak.

Tujuh beranak itu menaiki Perodua Alza namun pada hari kejadian, hanya Abdur Rahman tidak ikut bersama kerana ada urusan lain.

Johor Bahru: Kerajaan Johor bersedia membantu remaja lelaki yang kehilangan ibu bapa dan empat adik beradiknya akibat kemalangan di Kilometer 5, Jalan Segamat-Kuantan, Jumaat lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam negeri Mohd Fared Mohd Khalid berkata, kisah tragis itu memberi kesan kepadanya apatah lagi ibu bapa kepada Abdur Rahman Amir Ruddin, 19, iaitu mangsa kemalangan Amir Ruddin Ismail, 46, imam di sebuah masjid di Kluang

Kerajaan negeri sedia hulurkan bantuan

manakala Norahimah Noor Muhammad, 43, guru agama di sebuah sekolah agama di Felda Kemedak, Segamat.

"Semua pasti mengetahui berita kemalangan lori treler yang mengakibatkan kematian enam sekeluarga semalam (Jumaat). Suaminya seorang imam (Amir Ruddin) dan isterinya (Norahimah) seorang guru Kafa...kedua-duanya amat dekat di hati saya sebab mereka ka-

kitangan di bawah portfolio saya.

"Pada masa sama, kita bantu anak muda ini (Abdul Rahman) jika ada bantuan yang dapat kita usahakan, kita tadi (semalam) serahkan sumbangan tanda berkongsi kesedihan," katanya dalam hantaran menerusi laman Facebook malam kelmarin.

Kelmarin, Mohd Fared bersama Pegawai Daerah Muar Hasrin Kamal Hashim dan Ahli Dewan Un-

dangan Negeri Sungai Balang Selamat Takim melawat Abdur Rahman di Kampung Parit Lapis, Parit Jawa, Muar.

Empat adik-beradik Abdur Rahman meninggal dunia akibat kemalangan itu ialah Fatimatulzahrah, 17, Seri Khadijah Aqilah, 13, Rufaidatul Asyariyah, 10, dan Muhammad Assyakrawi, 5, setelah kereta Perodua Alza yang mereka naiki bertembung dengan sebuah lori.



Pada masa sama, kita bantu anak muda ini (Abdur Rahman) jika ada bantuan yang dapat kita usahakan, kita tadi (semalam) serahkan sumbangan tanda berkongsi kesedihan"

Mohd Fared





TAJUK : 5 SUSPEK MASIH DALAM BURUAN

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 04 SEPT 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

NODA BERKUMPULAN

5 suspek masih dalam buruan

Kuala Lumpur: Lima lelaki yang disyaki memperkosa seorang wanita bergilir-gilir di rumah di Wangsa Maju di sini, Rabu lalu masih lagi dalam pemburuan polis.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Allaudeen Abdul Majid berkata, setakat ini belum ada tangkapan dilakukan dan saksi yang dicari juga belum tampil membantu siasatan.

Menurutnya, identiti suspek sudah dikenal pasti dan usaha mengesan mereka sedang dijalankan.

Terdahulu, Harian Metro melaporkan seorang wanita yang sedang tidur 'diserang' lima lelaki sebelum diperkosa secara bergilir-gilir di kediamannya.

Dalam kejadian kira-kira jam 3.30 pagi itu, mangsa yang berusia 27 tahun sedang tidur di dalam bilik sebelum tersedar apabila mulutnya ditutup dengan tangan oleh suspek yang juga dipercayai rakan kepada abang iparnya.



ALLAUDEEN

Suspek turut mengikat tangan dan menutup mulut mangsa dengan pita pelekat sebelum memperkosanya dan merakam perbuatan terkutuk itu.

Mangsa yang berusia 27 tahun sedang tidur di dalam bilik sebelum tersedar apabila mulutnya ditutup dengan tangan oleh suspek yang juga dipercayai rakan kepada abang iparnya.



TAJUK : BELASAH RAKAN SEBAB HISAP VAPE

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 04 SEPT 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Belasah rakan sebab hisap vape

Oleh Juwan Riduan
am@hmetro.com.my

10 pelajar sekolah menengah ditahan bantu siasatan kes buli

Ranau

Hisap vape dipercayai punca beberapa pelajar dipukul sekumpulan pelajar lain di sebuah sekolah menengah berasrama di sini, sehingga video kejadian itu tular di media sosial.

Ketua Polis Daerah Ranau, Deputy Superintendan Simiun Lomudin berkata, susulan kejadian itu, polis menahan 10 pelajar untuk membantu siasatan.

Katanya, lima pelajar ditahan Jumaat lalu manakala lima lagi ditahan kelmarin.

"Semua pelajar yang ditahan berusia 15 hingga 17 tahun," katanya ketika dihubungi.

Menurutnya, semua pelajar kini dalam tahanan polis di dalam lokap dan dibebaskan dengan jaminan selepas siasatan selesai.

"Siasatan mendapati

“
Siasatan
mendapati
kejadian itu
berlaku pada
3 Ogos lalu
Simiun



TANGKAP layar video memaparkan kes buli antara pelajar.

kejadian itu berlaku pada 3 Ogos lalu sebelum tular di media sosial.


"Siasatan awal juga mendapati punca kejadian dipercayai pelajar yang memukul dikatakan tidak berpuas hati dan marah kepada mangsa (pelajar) yang penghisap vape kerana menyusahkan pelajar asrama lain," katanya.

Simiun berkata, siasatan masih diteruskan dan kes disiasat mengikut Seksyen 147 Kanun Keseksaan kerana merusuh dan Seksyen 506 Kanun Keseksaan kerana mengugut.

Jumaat lalu tular rakaman video berdurasi lima minit 33 saat di Facebook dan WhatsApp memaparkan mangsa dikerumuni sekumpulan pelajar di dalam bilik darjah di sebuah sekolah menengah.

Mereka dilihat seperti berbincang sesuatu sebelum beberapa pelajar menampar, menumbuk dan menendang beberapa pelajar lain.

Kejadian itu dirakam oleh seorang pelajar sebelum tular di media sosial.



TAJUK : IBU TUNGGAL SAKIT MISTERI RESAH 3 ANAK TAK BERSEKOLAH

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 04 SEPT 2023

M/SURAT : 11

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



ROSLINA bersama tiga anaknya ketika ditemui di Taman Seri Selising, Machang. - Gambar NSTP/HAZIRA AHMAD ZAIDI

Ibu tunggal sakit misteri resah 3 anak tak bersekolah

Machang: Seorang ibu tunggal bukan saja menderita penyakit misteri malah buntu mengenangkan nasib tiga anaknya yang tidak bersekolah disebabkan kemiskinan.

Roslina Mohamad, 42, berkata, dia sukar menguruskan keluarga sejak lebih setahun lalu disebabkan penyakit misteri yang dialaminya selain ditinggalkan suami.

Katanya, sebelum ini, kehidupan mereka sekeluarga normal, namun selepas menghidap penyakit misteri dan ditinggalkan suami, dia seakan-akan hilang tempat bergantung.

"Penyakit misteri saya alami sangat pelik, bila saya makan saya rasa pedih seperti tertelan kaca, ada kalanya terasa ada gum-

palan rambut di kerongkong. Disebabkan itu badan berat badan saya semakin susut.

"Saya kini bergantung sepenuhnya kepada ibu, Kamariah Daud, 70, untuk menguruskan keperluan pada setiap hari termasuk memimpin saya ke tandas disebabkan keadaan diri yang lemah serta sukar untuk berjalan.


"Sebelum ini ketika sihat saya bekerja untuk mencari pendapatan dan menyara keluarga, bagaimanapun dengan keadaan saya sekarang menyebabkan kami hilang punca pendapatan dan bergantung harap kepada ihsan jiran yang prihatin ke atas nasib kami sekeluarga.

"Disebabkan kemiskinan, dua anak saya, iaitu Mham-

mad Ammar Rizqi Abdul Aziz, 9, dan Muhammad Amzar Rafiqy, 8, yang belajar di Sekolah Kebangsaan (SK) Machang 1 jarang ke sekolah, manakala anak bongsu Muhammad Amzamid Rayqal, 6, belum bersekolah," katanya ketika ditemui di Taman Seri Selising.

Terdahulu badan kerajaan (NGO) Cempaka Merah Asnaf Society yang diwakili Pengerusinya, Che Norhayati Mohamed hadir menziarahi keluarga itu dan turut menyampaikan sumbangan wang tunai untuk meringankan beban.

Roslina berkata, dia belum menerima sebarang bantuan manakala sewa rumah yang didiaminya sekeluarga dibiayai oleh jiran yang prihatin.



TAJUK : LALI EJEKAN DIGELAR HANTU KETIKA SEKOLAH

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 04 SEPT 2023

M/SURAT : 11

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

lokal

Oleh Redzuan
Muharam
redzuan.muharam@hmetro.com.my

Baling

Akibat menghidap iktiosis iaitu penyakit kulit bersisik pada badan dan wajah, Mohd Zahir Abdullah pernah diejek dan digelar hantu ketika di bangku sekolah.

Bagaimanapun, Mohd Zahir, 32, sudah lali dengan ejekan itu dan tidak menganggap ia menjadi pematah semangat untuknya meneruskan hidup.

Keyakinan Mohd Zahir yang menetap di Kampung Tok Saba di sini, dapat dilihat apabila berani mengunggah diri di aplikasi TikTok dan aktif memuat naik video menyanyi lagu nasyid di platform berkenaan.

"Saya memang minat menyanyi lagu nasyid dan rakan sebenarnya yang beri dorongan aktifkan akaun TikTok.

"Jadi, saya cuba saja dan beranikan diri buat *live* untuk ajak yang menonton bersembang.

"Tak sangka ramai terima baik diri saya, malah ada juga yang mendoakan walaupun belum pernah jumpa dan setakat kenal di TikTok," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Menceritakan perihal dirinya, Mohd Zahir berkata, dia menghidap iktiosis sejak lahir dan dia bersama tiga lagi adik-beradiknya menghidap penyakit berkenaan.

"Saya anak bongsu daripada empat beradik dan

Lali ejekan, digelar hantu ketika sekolah

*Penghidap penyakit kulit bersisik di badan,
wajah kini berani tampil di aplikasi TikTok*

dalam keluarga, hanya emak, ayah serta abang sulung saja tiada penyakit kulit.

"Walaupun pernah ambil ubat dan guna krim, keadaan saya masih sama kerana difahamkan memang tiada rawatan untuk penyakit saya buat masa ini," katanya.

Meskipun ada penyakit berkenaan, Mohd Zahir mengakui tiada masalah bergaul dengan rakan mahupun individu sekeliling.

Sebaliknya, dia dapat menyesuaikan diri dan tidak dipinggirkan walaupun zahimnya berbeza berbanding orang lain.

"Jujurnya saya tak boleh terima keadaan diri pada awalnya dulu kerana keadaan fizikal yang bukan seperti orang lain.

"Murid lain pun takut nak berkawan dengan saya ketika mula masuk sekolah rendah dulu.

"Apabila masuk tahun empat, saya mula bergaul dan berkawan dengan rakan lain.

"Kawan di sekolah pun layan saya macam biasa dan itu yang membuatkan saya jadi yakin," katanya.

Menurut Mohd Zahir, memang ada yang memandang sinis apabila dia berada di khalayak ramai.

"Selalunya budak-budak yang tengok 'semacam', namun ada juga orang dewasa bersikap begitu dengan segelintir bertanya apa punca penyakit saya.

"Saya terangkan saja dengan harapan mereka sedar adanya insan seperti saya dalam komuniti.

"Setakat ini, saya belum pernah lagi berdepan pengalaman dihina kerana kekurangan yang ada.

"Sebaliknya dapat banyak sokongan dan gembira kerana sering diberi kepercayaan menjadi bilal solat Tarawih di masjid pada Ramadan," katanya yang kini melakukan kerja kampung dengan bapa angkatnya.

Mohd Zahir berkata, bukan simpati yang diharapkan cuma kefahaman ma-

"Tak sangka ramai terima baik diri saya malah ada juga yang mendoakan walaupun belum pernah jumpa dan setakat kenal di TikTok"

sarakat terhadap golongan seperti saya.

"Saya percaya ada individu senasib di luar sana yang ada masalah keyakinan diri disebabkan iktiosis.

"Diharap, mereka tabah dan anggap ia sebagai ujian daripada Allah SWT.

"Walaupun dilahirkan begitu, kita seharusnya positif dan anggap penyakit itu yang menjadikan kita unik berbanding orang lain," katanya.



MOHD Zahir



TAJUK : EASIER TVET ENTRY FOR DISABLED

HARI : ISNIN

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 04 SEPT 2023

M/SURAT : 05

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

INCLUSIVE

EASIER TVET ENTRY FOR DISABLED

Cabinet to also study recruitment quota in govt agencies for disabled, says Anwar

JASSMINE SHADIQE
JOHOR BARU
news@nst.com.my

THE unity government will make it easier for people with disabilities to enrol in technical education and vocational training (TVET) programmes.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said the issue was brought to his attention during a dialogue with disabled students and educators at Dewan Sultan Iskandar in Universiti Teknologi

Malaysia, Johor, yesterday.

Anwar said he would raise the issues shared during the dialogue with the relevant ministers.

"The revision of the entry requirements will be communicated to Deputy Prime Minister, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, who also chairs the National TVET Council.

"I am sorry, I was not aware of this matter.

"To ensure that all government agencies and ministries ensure recruitment... yes, we must review that.

"The TVET council is chaired by Zahid. I will tell him that although consideration is given to the disabled, do not impose conditions such as (having the use of) two hands. The conditions include those who have disabilities.

"This is possible; we can provide the needed space to review TVET conditions for disabled students... I think there is no problem," he said.

UTM alumni Dr Ruzimi Mohamed had told the prime minister that one of constraints disabled students faced when applying for TVET programmes, was the requirement that they have the use of both hands.

Ruzimi said some disabled people

could draw and write using their feet or mouth.

Anwar said he would also discuss with the cabinet having a one per cent employment quota for the disabled at ministries and government agencies.

The prime minister also said the government would ensure students with hearing disabilities had adequate facilities to sit their Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) examinations in Johor.

Currently, SPM students with hearing disabilities are required to travel to Penang to take their examination.

Anwar said he was unaware that Penang had the only school in the country equipped with the facilities for hearing impaired

students to take their SPM.

He was responding to a question from a participant during the dialogue, who related the hardship faced by Johor students in sitting the SPM.

Anwar said he would continue his engagements with students and the young people as it allowed him to learn more about their problems.

"As prime minister I do not know everything," he said.

He said he would need time to resolve the issues raised as he did not want to increase the country's debts, which stood at RML5 trillion.

"I cannot borrow billions and get the next generation to pay for it," he added.



TAJUK : 'ANY PROPOSED BILL ON MATTERS INVOLVING KIDS SHOULD GO TO KPWKM'

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 04 SEPT 2023

M/SURAT : 02

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

'Any proposed Bill on matters involving kids should go to KPWKM'

KUCHING: Any proposal to table a new Bill pertaining to matters involving children would be referred to the federal Ministry of Women, Family and Community Development Ministry (KPWKM), says its minister Datuk Seri Nancy Shukri.

In stressing this, she pointed out that the task of enforcing the provisions under such law, should it be enacted, should not be extended beyond the KPWKM so as to avoid any overlapping.

In this matter, the Santubong MP said she welcomed the effort behind the proposal to table the Children's Commission Bill as safeguarding children and their rights, but in terms of enforcement, it should remain under her ministry.

"The move is indeed good for the community, but we do have reservations because we also

take care of children. We do not want duplication in terms of the roles (in enforcement).

"We need to have an understanding with each other so that whatever suggestions and proposals (pertaining to cases involving children) can be translated into effective law," she said when asked to comment on the statement made by Minister in Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) Datuk Seri Azalina Othman Said about the possible presentation of the Children's Commission Bill in Parliament next month.

Nancy was met by reporters at 'Program Jelajah Kasih Keluarga Segulai Sejalai' in Kampung Muara Tebas here yesterday.

According to Nancy, the KPWKM is looking into proposing severe punishment for individuals committing injuries and sexual abuse on children.

She regarded such a move as necessary given the rising number of child abuse cases, especially sexual abuse.

She also said initially, her ministry had proposed whipping to be incorporated as punishment, but that call failed to reach consensus from the civil society organisations.

"We need to have whipping (be included as punishment), but there's disagreement. If that (abuse) happened to their siblings or children, only then would they know.

"But in making this proposal, we do not want to make reckless decisions."

Nancy also said being the minister for KPWKM, she was responsible in overseeing matters pertaining to children's well-being and in this regard, she would want to deliver effective services.

"We would want to make sure that those who commit injuries and sexual abuse (on children) are given a very severe punishment.


"Even though it is not under us, we hope to be able to share our suggestions with the parties involved. It (legislation) is under a certain ministry, but we need to bring over a proposal," she added.

In her statement on Friday, Azalina talked about the possibility of tabling the Children's Commission Bill in the next Dewan Rakyat sitting scheduled this October.

She said the proposal came after various engagements with key stakeholders, knowledge-exchange sessions with child commissioners in different jurisdictions, and in-depth research work had been carried out.



Nancy speaks to reporters at the roadshow held in the community hall of Kampung Muara Tebas.



TAJUK : BORN UNDERPRIVILEGED INSPIRES 'ABANG SUSU' TO DO CHARITY WORK

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 04 SEPT 2023

M/SURAT : 10

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Born underprivileged inspires 'Abang Susu' to do charity work

